



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perlembagaan (Pindaan) 1985
DR.34/1985

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membuat peruntukan untuk menambahkan bilangan ahli-ahli Dewan Rakyat dari Negeri Sarawak, dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya termasuk peruntukan untuk Suruhanjaya Pilihanraya membuat ulangkajian di bawah Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan untuk membahagi-bahagikan Negeri Sarawak kepada bahagian-bahagian pilihanraya persekutuan dan Negeri dan juga membuat peruntukan supaya Perkara 61 Perlembagaan terpakai kepada seseorang Setiausaha Parlimen.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1985 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

2. Perkara 46 Perlembagaan adalah dipinda—

Pindaan
Perkara 46.

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “tujuh puluh tujuh” dalam Fasal (1) dengan perkataan-perkataan “lapan puluh”;

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “enam puluh sembilan” dalam perenggan (a) Fasal (2) dengan perkataan-perkataan “tujuh puluh dua”; dan

(c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “dua puluh empat” dalam subperenggan (xi) perenggan (a) Fasal (2) dengan perkataan-perkataan “dua puluh tujuh”.

Ulang-
kajian
pembaha-
gian
Negeri
Sarawak
kepada
bahagian-
bahagian
pilihanraya
persekutuan
dan Negeri.
Ord. Swk.
5/85.

3. (1) Walau apa pun yang terkandung dalam Bahagian VIII Perlembagaan, Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah dengan seberapa segera yang praktik selepas mula berkuatkuasanya Akta ini dan Ordinan Dewan Undangan Negeri (Keanggotaan Ahli-Ahli), 1985 bagi Negeri Sarawak menjalankan ulangkajian di bawah Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan pembahagian Negeri Sarawak kepada bahagian-bahagian pilihanraya persekutuan dan Negeri, dan mengesyorkan apa-apa perubahan sebagaimana yang difikirkannya perlu supaya mematuhi peruntukan-peruntukan—

- (a) Perkara 46 Perlembagaan, sebagaimana dipinda oleh seksyen 2;
- (b) seksyen 2 Ordinan Dewan Undangan Negeri (Keanggotaan Ahli-Ahli), 1985 bagi Negeri Sarawak; dan
- (c) Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan.

(2) Peruntukan-peruntukan—

- (a) Perkara 46 Perlembagaan, sebagaimana dipinda oleh seksyen 2, tidaklah boleh menjejaskan keanggotaan Dewan Rakyat atau mana-mana pilihanraya ke Dewan Rakyat itu sehingga pembubaran Parlimen; dan
- (b) seksyen 2 Ordinan Dewan Undangan Negeri (Keanggotaan Ahli-Ahli), 1985 bagi Negeri Sarawak tidaklah boleh menjejaskan keanggotaan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri Sarawak atau mana-mana pilihanraya ke Dewan Undangan Negeri tersebut sehingga pembubaran Dewan Undangan Negeri tersebut;

yang berlaku pada atau selepas tarikh mula berkuatkuasanya Perintah yang dibuat di bawah seksyen 12 Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan berikutan dari ulangkajian yang dijalankan menurut Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan dan Jadual Ketiga Belas tersebut mengenai pembahagian Negeri Sarawak kepada bahagian-bahagian pilihanraya persekutuan dan Negeri.

4. Perkara 61 Perlembagaan adalah dipinda dengan menambah selepas sahaja perkataan-perkataan “Timbalan Menteri” dalam Fasal (4), perkataan-perkataan “dan Setiausaha Parlimen”.

Pindaan
perkara 61.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Perlembagaan Persekutuan untuk membuat peruntukan menambahkan bilangan ahli-ahli Dewan Rakyat dari Negeri Sarawak, dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dan juga membuat peruntukan supaya Perkara 61 terpakai kepada Setiausaha Parlimen.

2. *Fasal 2 (c)* Rang Undang-Undang bertujuan meminda sub-perenggan (xi) perenggan (a) Fasal (2) Perkara 46 Perlembagaan bagi membuat peruntukan untuk menambahkan bilangan ahli-ahli Dewan Rakyat dari Sarawak dari dua puluh empat orang yang ada sekarang kepada dua puluh tujuh orang.

Berikutan dengan itu, *fasal 2 (a)* Rang Undang-Undang bertujuan meminda Fasal (1) Perkara 46 tersebut untuk membuat peruntukan bagi menambahkan jumlah bilangan ahli Dewan Rakyat dari seratus tujuh puluh tujuh orang yang ada sekarang kepada seratus lapan puluh orang, dan *fasal 2 (b)* Rang Undang-Undang bertujuan meminda perenggan (a) Fasal (2) Perkara itu untuk membuat peruntukan bagi menambahkan jumlah bilangan ahli Dewan Rakyat itu dari Negeri-Negeri Malaysia dari seratus enam puluh sembilan orang yang ada sekarang kepada seratus tujuh puluh dua orang.

3. *Fasal 3 (1)* Rang Undang-Undang bertujuan membuat peruntukan supaya Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan ulangkajian di bawah Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan pembahagian Negeri Sarawak kepada bahagian-bahagian pilihanraya persekutuan dan Negeri dan mengesyorkan apa-apa perubahan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya berikutan dari pindaan kepada Perkara 46 yang dicadangkan di bawah *fasal 2* dan juga berikutan dari bertambahnya bilangan ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak yang dilaksanakan oleh Ordinan Dewan Undangan Negeri (Keanggotaan Ahli-Ahli), 1985 bagi Negeri Sarawak. Ulangkajian tersebut hendaklah dijalankan dengan seberapa segera yang praktik selepas berjalan kuatkuasanya kedua-dua Akta yang dicadangkan di bawah Rang Undang-Undang ini dan juga Ordinan Sarawak yang tersebut itu.

Swk. Ord.
5/85.

Amend-
ment of
Article 46.

Fasal 3 (2) Rang Undang-Undang bertujuan memperuntukkan bahawa baik keanggotaan Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri Sarawak mahupun mana-mana pilihanraya ke Dewan Rakyat tersebut atau Dewan Undangan Negeri tersebut tidak akan terjejas dengan bertambahnya keanggotaan ahli dalam Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri masing-masing seperti tersebut tadi sehingga selepas pembubaran Parlimen atau Dewan

Undangan Negeri yang berlaku pada atau selepas mula berkuatkuasanya Perintah di bawah seksyen 12 Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan berikutan dari ulangkajian yang tersebut tadi di bawah Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan.

4. *Fasal 4* Rang Undang-Undang bertujuan meminda Perlembagaan Persekutuan untuk memberi hak kepada seseorang Setiausaha Parlimen yang menjadi anggota satu Majlis Parlimen mengambil bahagian dalam prosiding Majlis yang satu lagi di samping membantu Menteri dan Timbalan Menteri dalam menjalankan fungsi dan kewajipan mereka.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 1359.]